"Jika Ini Ramadhan Terakhir Anda"

ADA APA DENGAN RAMADHAN

Susunan Oleh

Ab Razak Bin Aripin

Mukadimah

Bulan Ramadhan adalah bulan rahmat, pengampunan serta pembebasan dari api Neraka. Untuk itu, sepatutnya kita sebagai umat Islam perlulah bersungguh-sungguh apabila berada di dalam bulan ini dan juga di dalam bulan-bulan yang lain.

Marilah kita menanam azam untuk menjadikan Ramadhan tahun ini lebih baik dan Ramadhan - Ramadhan sebelum ini. Kita perbanyakkan amalan dengan amalan khusus dan umum. Mini ebook ini hanya susunan semula dari kutipan mutiara – mutiara ilmu dan panduan amalan di bulan Ramdhan dari Al Quran, As Sunnah serta pandangan ulama' – ulama'

Akhirnya semoga kita menjadikan hadiah Allah berupa bulan yang penuh nikmat ini untuk memposisikan diri dalam kalangan hamba – hamba Nya yang soleh dan solehah seterusnya mendapatkan keredhaan-Nya dan dimasukkan ke dalam syurga

Ab Razak Aripin
Ipoh
5 Ramadhan 1441H

Indeks

Ramadhan Bulan Rahmat

Daripada Abu Hurairah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَوَّلُ شَهْرِ رَمَضَانَ رَحْمَةٌ ، وَأَوْسَطُهُ مَغْفِرَةٌ ، وَآخِرُهُ عِتْقٌ مِنَ النَّارِ

Maksudnya: “Permulaan bulan Ramadhan membawa kerahmatan, pertengahannya keampunan dan kesudahannya pelepasan dari api neraka”. [Lihat: al-Jami’ al-Saghir, no. Hadith 2815]

Tarjih Hadith

Setelah melihat dan menekuni pendapat para ulama’ maka mereka cenderung untuk mengatakan bahawa hadith ini adalah teramat lemah tetapi **ia boleh diamalkan di dalam al-fadhail**. Ini kerana, bulan Ramadhan kesemuanya adalah rahmat, pengampunan dan pembebasan dari api neraka.

Oleh yang demikian mari kita jadikan Ramadhan kali ini sebagai kita memperolehi kurniaan yang besar dari Allah dalam bentuk kerahmatan, keampunan dan pembebasan api neraka.

Antara amalan yang kita boleh buat untuk memperolehi rahmat dari Allah terutama di bulan Ramadhan adalah ;

a) Kita memperbanyakkan menyebarkan kasih sayang dengan mendoakan kebaikan orang lain
b) Kita memperbanyakan memaafkan kesalahan orang lain kepada kita
c) Membuat kebaktian kepada orang lain terutama ibubapa, ahli keluarga dan jiran – jiran
d) Memberi dan menyediakan makan (iftar dan sahur) kepada orang lain terutama orang miskin, anak yatim orang dalan kesusahan
e) Selalu mendoakan kebaikan dan kesejahteraan kepada guru – guru kita.
f) Memudahkan urusan dan kerja orang lain dengan ikhlas kerana Allah SWT
g) Tambah niat –niat amalan anda, seperti puasa kerana Allah, supaya jadi bakti kepada ibubapa, supaya pahala mengalir kepada guru –guru, supaya masyarakat harmoni, supaya kita semakin perihatin dan lain –lain lagi. InsyaAllah gandaan kebajikan bertambah – tambah.

Ramadhan Bulan Keampunan

Hadith Nabi Muhammad SAW :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: مَنْ صَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ.

متفق عليه

Maksudnya:
Daripada Abu Hurairah RA, daripada Nabi SAW bersabda: "Sesiapa yang berpuasa Ramadhan dengan penuh keimanan dan ihtisab (mengharapkan keredhaan Allah) akan diampunkan dosanya yang terdahulu." (Muttafaqun 'Alayhi, hadith riwayat al-Bukhari, no. 38, 2014, Muslim, no. 760)

Puasa adalah pintu segala ibadah kerana dengan berpuasa Allah SWT akan mengampuni dosa-dosa seseorang hamba. Apabila dosa-dosanya diampunkan maka ianya menjadikan hati bercahaya dan cahaya itu akan menimbulkan keghairahan untuk melakukan setiap amal ibadah yang lain dengan bersungguh-sungguh. Namun, ulama mengingatkan bahawa hanya dosa-dosa kecil sahaja yang terhapus dan dosa-dosa besar tidak akan terhapus melainkan dengan hanya bertaubat kepada Allah SWT dengan sebenar-benar taubat.

Apakah amalan – amalan di bulan Ramadhan yang memboleh Allah mengampunkan dosa – dosa kita;

a) Setiap kali sebelum sahur pastikan dapat solat 2 rakaat Tahajjud dan dalam doakan kita mohon agar Allah masukkan mak dan ayah kita masuk dalam syurga tanpa hisab
b) Setiap kali berbual dan berjumpa orang di bulan Ramadhan, kita boleh maaf dan minta halal segala salah silap
c) Ingat dan bayangkan muka – muka orang yang pernah buat dosa kepada kita, fitnah kita, sakiti kita, menghina kira dan mempersendakan kita, kemudian maafkan mereka dengan ikhlas.
d) Sebelum tidur maafkan ibu ayah, anak – anak, kawan – kawan dan ahli keluarga kita, elakan tidur dalam keadaan kita ada dendam kepada orang lain

Ramadhan Bulan Pembebasan Api Neraka

Diriwayatkan Bazzar (Kasyf, no. 962), dari hadits Abu Said, dia berkata, Rasulullah sallallahu'alaihi wasallam bersabda,

إن لله تبارك وتعالى عتقاء في كل يوم وليلة يعني في رمضان , وإن لكل مسلم في كل يوم وليلة دعوة مستجابة

"Sesungguhnya Allah Tabaraka wa Ta'ala memberikan kebebasan dari siksa neraka pada setiap malam –yakni di bulan Ramadan- dan sesungguhnya setiap muslim pada waktu siang dan malam memiliki doa yang terkabul (mustajabah)".

Hadith di atas menegaskan bahawa Allah akan memberi hadiah yang besar kepada orang berpuasa di bulan Ramadhan dengan penuh keimanan dan rasa diri iaitu pembebasan api neraka serta doa – doa sebagai senjata – senjata yang disiang hari yang mustajab.

Sesungguhnya pembebasan dari api neraka adalah yang diidam – idamkan oleh pendosa – pendosa di dunia ini. Sebagai manusia biasa kita pasti pernah leka dan lalai dan melaksanakan ibadah sehingga jatuh ke dalam kalangan pendosa. Maka apakah amalan – amalan yang boleh menjadi penebus api nereka di bulan Ramadhan

a) Berusaha melepaskan kesusahan orang lain seperti memderma wang kepada yang tiada wang, atau memberi makan kepada golongan yang lapar
b) Sentiasa memberi berita gembira kepada orang lain, walau mereka melakukan kesalahan
c) Doakan keampunan kepada yang melakukan dosa kepada kita
d) Sentiasa bahagiakan isteri, suami, anak – anak, ibu dan ayah
e) Bersedekah dan berderma sepanjang Ramadhan
f) Jika ada haiwah ternakan, sembelih dan jamu orang makan atau hadiahkan daging kepada orang lain atau masak dan sedekahkan kepada orang lain
g) Jika kita akan memelihara haiwan untuk suka - suka seperti burung, monyet atau apa sahaja, maka bebaskan ia ke habitat asalnya.

Ramadhan Bulan Sedekah

Junjungan besar nabi Muhammad bersabda

إن الله تعالى جواد يحب الجود ويحب معالي الأخلاق ويكره سفسافها

"Sesungguhnya Allah Ta'ala itu Maha Memberi, Ia mencintai kedermawanan serta akhlak yang mulia, Ia membenci akhlak yang buruk." (HR. Al Baihaqi, di shahihkan Al Albani dalam Shahihul Jami', 1744)

Junjungan besar nabi Muhammad bersabda

إنَّما الدنيا لأربعة نفر: عبد رزقه الله مالاً وعلماً فهو يتقي فيه ربه ويصل فيه رحمه، ويعلم لله فيه حقاً فهذا بأفضل المنازل

"Dunia itu untuk 4 jenis hamba: Yang pertama, hamba yang diberikan rezeki oleh Allah serta kefahaman ilmu agama yang tinggi. Ia bertaqwa kepada Allah dalam menggunakan hartanya dan ia gunakan untuk menyambung silaturahim. Dan ia menyedari terdapat hak Allah pada hartanya. Maka inilah kedudukan hamba yang paling baik." (HR. Tirmidzi, no.2325, ia berkata: "Hasan shahih")

Dua hadith di atas amat memberi penekanan bahawa kepentingan bersedekah di bulan Ramadhan adalah semulia – mulia amalan. Antara amalan – amalan yang dituntut kita lakukan sebagai menepati kehendak hadith di atas adalah ;

a) Menggunakan wang dan tenaga kita di bulan Ramadhan untuk menyambung silaturahim seperti mengadakan majlis berbuka puasa dan menjemput jiran dan saudara mara hadir
b) Mengeluarkan belanja untuk isteri, dan anak –anak agar hubungan kekeluargaan semakin rapat dan kukuh
c) Memahami bahawa setiap harga yang diperolehi hakikatnya datang dari Allah yang diamanahkan kepada kita untuk dibelanjakan ke jalan yang telah Allah tetapkan.
d) Meyakini bahawa setiap harta yang kita miliki bukan kepunyaan kita selagi kita tidak belanjakan / sedekahkan / dermakan.

Ramadhan Bulan Nuzul Al Quran

Di dalam surah Al-Baqarah ayat 185, Allah s.w.t berfirman

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِيَ أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَى وَالْفُرْقَانِ

(Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah) bulan Ramadan yang padanya diturunkan Al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah “

Ayat diatas jelas menyatakan di bulan Ramadhan banyak wahyu – wahyu diturunkan untuk panduan manusia menuju jalan Allah. Jibril akan turun dimalam – malam Ramadhan mendampingi Nabi Muhammad SAW menyemak ayat – ayat yang telah turun sebelumnya.

Amalan bertadarus di bulan Ramadhan adalah amalan mulia serta menjadi ikutan seluruh umat manusia di dunia samada secara langsung atau di akam maya. Namun janganlah kita hanya mendamping Al Quran dibulan Ramadhan sahaja. Dibawah dicadangkan amalan yang terbaik dalam memahami dan menghayati Ramadhan bulan Nuzul Al Quran;

a) Membaca dengan tartil dan membaca terjemahannya, maka jangan di tumpu untuk khatam sahaja kerana boleh sahaja khatam dibulan lain atau mulai bacaan di bulan Rejab dan Saaban kemudian dikhatamkan dibulan Ramadhan
b) Membaca bersama anak –anak atau ahli kelaurga di rumah biar hanya semuka surat tapi baca terjemahan sekali untuk menghayatan
c) Perbaiki bacaan dengan berlagu dan intonasi yang sesuai dengan maksud ayat, seperti ayat ancaman dibaca keras, ayat pujuk dibaca dengan mendayu dan ayat berita gembira dibaca dengan lembut
d) Bacalah al Quran sepanjang tahun dengan kemampuan kita elak tergesa – gesa untuk khatam, jika ada rezeki khatam di bulan Ramadhan
e) Belajarlah baiki bacaan dengan bertalaqi dengan ahlinya agar bacaan berada di tahap terbaik sebelum menghembuskan nafas terakhir

Ramadhan Bulan Lailatul Qadar

Allah berfirman dalam surah al Qadr ayat 2 dan 3

وَمَا أَدْرَاكَ مَا لَيْلَةُ الْقَدْرِ ◯ لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِنْ أَلْفِ شَهْرٍ ◯

Terjemahan : Dan tahukah kamu apakah malam kemuliaan itu?, Malam kemuliaan itu lebih baik dari seribu bulan,,

Ayat di atas menjelaskan bahawa Allah SWT telah menghadiahkan kepada seluruh umat Islam yang berada dalam bulan Ramadhan satu malam istimewa yang dinamakan malam al Qadr yang amalan di malamnya dinisbahkan lebih baik dari 1000 bulan beramal, maka amalan yang disarankan pada malam tersebut adalah ;

a) Bagi orang yang mendapat lailatulqadar ucapkanlah:

اَللَّهُمَّ إِنَّكَ عَفُوٌّ كَرِيْمٌ، تُحِبُّ الْعَفْوَ، وَاعْفُ عَنِّى وَعَنْ وَالِدَىَّ

"Ya Allah, sesungguhnya Engkau adalah Maha Pemberi Kemaafan (Maha Pengampun), Suka memberi kemaafan (keampunan), maka maafkanlah (ampunkanlah) aku dan kedua ibu bapaku."

b) Banyakkan solat, membaca al-Quran, doa dan zikir. Berdoalah juga dengan lain-lain doa dalam bahasa kita untuk lain-lain kebaikan dunia dan akhirat, janganlah berdoa sesuatu yang buruk.

c) Bacalah walaupun 1 ayat al-Quran sebelum tidur, kerana jika berbetulan dengan malam Qadar pahalanya lebih baik daripada sekali khatam al-Quran pada malam-malam lain. (sebaik-baiknya bacalah 10 kali Surah al-Ikhlas, iaitu Qul Huwallahu Ahad)

d) Bagi perempuan yang haidh atau nifas, ucapkan zikir-zikir di bawah:

سُبْحَانَ اللهِ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ، وَلا إِلَهَ إِلا اللهُ، وَاللهُ أَكْبَرُ

Ramadhan Bulan Karvival Ibadah

Junjungan besar nabi Muhammad bersabda

عن أبي هريرة رضي الله عنه، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: قَالَ اللَّهُ: كُلُّ عَمَلِ ابْنِ آدَمَ لَهُ
إِلَّا الصِّيَامَ فَإِنَّهُ لِي وَأَنَا أَجْزِي بِهِ.

متفق عليه.

Maksudnya:

Daripada Abu Hurairah RA, beliau berkata, Rasulullah SAW bersabda: "Allah SWT berfirman: "Setiap amalan anak Adam adalah untuknya melainkan puasa. Sesungguhnya puasa itu milik Aku (Allah) dan akulah yang akan membalasnya." (Muttafaqun “Alayhi, hadith riwayat al-Bukhari, 1904, Muslim 1151)

Memahami Ramadhan sebagai bulan karnival ibadah maka, adalah disarankan kepada kita semua untuk :

1. Berpuasa pada siangnya dengan puasa yang sebenarnya.
2. Menghidupkan malam dengan amalan yang disyariatkan termasuk qiamullail
3. Meningkatkan amalan harian
4. Menunaikan solat tarawih
5. Bertadarus al-quran
6. Menunaikan zakat fitrah dan zakat yang lain
7. Beriktikaf terutama 10 malam terakhir
8. Memperbanyakkan sedekah
9. Memberi makanan kepada orang yang berpuasa
10. Bersahur
11. Bersederhana dalam berbelanja dan makan minum
12. Menjaga pancaindera dari melakukan maksiat
13. Menunaikan umrah jika mampu

Semoga Allah mengurniakan kekuatan kepada kita untuk rajin dan tekun beribadah dibulan Ramadhan.

Saya hadiahkan mini ebook ini kepada sahabat dunia akhirat saya
Semoga ukhuwah kita hingga ke Jannah